

Pindaan undang-undang siber banteras bahan lucah

UM - 7 JUL 2001

KUALA LUMPUR 6 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pindaan undang-undang siber diperlukan kerana kerajaan mempunyai bukti bahawa ada pihak yang telah menyalah guna Internet untuk menyebarkan maklumat salah dan bahan-bahan lucah kepada orang awam.

Katanya, tujuan penggunaan Internet ialah untuk mendidik orang

ramai dan memberi maklumat, bukannya maklumat yang salah.

“Kita mempunyai bukti ada orang yang sudah mencipta budaya untuk menyalah guna Internet,” katanya.

Perdana Menteri bercakap demikian kepada pemberita selepas melancarkan Radio IKIM.fm di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini. Berkenaan langkah

Thailand dan Filipina mengadakan perjanjian kawasan perdagangan bebas (FTA) dengan negara luar ASEAN, Perdana Menteri berkata, masalah itu timbul kerana ada negara yang sudah memulakannya tanpa merujuk kepada negara anggota serantau.

“Masalahnya ialah tanpa bertanya kepada ASEAN, Singapura sudah mengadakan FTA dengan negara

lain. Selepas itu, kita hadapi masalah nak paksa satu negara ASEAN batalkan perjanjiannya dengan negara lain, kalau (Singapura) tanya dahulu senang sikit,” tegasnya.

Negara-negara ASEAN kluatir dengan perkembangan tersebut kerana negara luar mungkin boleh memperalatkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) untuk menguntungkan negara itu sendiri,” tambahnya.